


TINJAU DARI DEKAT: Profesor Gunaratna (berkaca mata) dan Dr Angell (kanan) memberi taklimat kepada seorang tahanan yang melibatkan diri dalam program pemulihan di Kem Cropper, Iraq, Januari lalu. — Foto RSIS



Oleh CHAIRUL FAHMY HUSSAINI
chairul@sph.com.sg

Program pemulihan model S'pura dilanjut ke Afghan

PROGRAM pemulihan yang dirintis Singapura dan dilaksanakan dengan jayanya di Iraq sejak 2007 ke atas para tahanan yang terlibat atau disyaki terlibat dalam pengganasan, kini telah dilanjutkan ke Afghanistan.

Ini didedahkan oleh Ketua Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Pengganasan (ICPVTR) Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Rohan Gunaratna.

Beliau bersama Zamil Pelawat ICPVTR, Dr Ami M. Angell, telah ke Afghanistan Mei lalu atas undangan pihak tentera Amerika Syarikat bagi menjalankan latihan bagi para pegawai tentera yang terlibat dalam menyepadukan program pemulihan selain menganalisis dan memberi nasihat berkenaan proses dan sekitaran yang dapat membantu menjayakan program pemulihan.

"Afghanistan mula menjalankan program-program pemulihan ke atas rakyatnya mulai akhir Mei lalu.

"Kejayaan program pemulihan yang dilaksanakan di Iraq akan cuba diulangi di Afghanistan," kata Profesor Gunaratna ketika ditemubual baru-baru ini.

Dikenali sebagai 'Program Kesedaran Agama', ia mencakupi lima aspek pemulihan dari sudut agama; pendidikan dan kejuruan; sosial dan keluarga; sukan dan riadah; serta seni kreatif.

Program tersebut dilakar Ustaz Mohammed Haji Ali yang telah ke Iraq bersama-sama Dr Gunaratna pada Disember 2006 bagi mengongsi pendekatan strategik republik ini dalam memulihkan pengganasan beragama Islam di sana.

Ustaz Mohammed adalah Zamil Penyelidik Bersekutu di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) dan juga Setiausaha Kumpulan Pemulihan Agama (RRG).

Ditanya tentang keberkesanan program ini di Afghanistan, Dr Angell berkata: "Setiap warga Afghanistan dikatakan mampu mempengaruhi kira-kira 100 individu, merangkumi kawan-kawan mereka, ahli keluarga dan jiran tetangga.

"Jadi dengan menjalankan program ini dengan jayanya ke atas lima individu sahaja misalnya, ia berpotensi memberi kesan ke atas 500 Afghan.

"Jika anda hanya bertanyakan, berapa ramaikah antara mereka dalam tahanan yang dapat memanfaatkan program ini, saya boleh katakan kesemua mereka.

"Ini kerana meskipun ada antara mereka yang kini tidak mempunyai pandangan ideologi yang kuat (tentang ekstremisme atau pelampau dalam beragama), selepas beberapa waktu dalam tahanan dan dikelilingi mereka yang berpandangan ekstrem, seseorang individu itu boleh menjadi radikal.

"Jadi, program pemulihan ini boleh dijalankan dengan jayanya ke atas mereka yang ekstrem mahupun sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko golongan berfahaman sederhana menjadi ekstrem semasa di dalam tahanan," katanya.

Menceritakan lebih lanjut, Profesor Gunaratna berkata, ketika di Iraq bersama-sama Ustaz Mohammed, mereka telah mewawancara para tahanan dan meneliti sama ada pemulihan keagamaan dapat dilaksanakan ke atas para tahanan di bawah kawalan Amerika.

"Apabila kami menunjukkan kepada tentera Amerika akan usulan kami, mereka menyukai idea tersebut, apatah lagi mereka mempunyai 25,000 warga Iraq dalam tahanan atas penglibatan atau disyaki terlibat dalam pengganasan.

"Namun apa yang kami dapati ialah, antara 70 hingga 80 peratus mereka yang ditahan tidak terlibat dalam terorisisme mahupun pemberontakan.

"Memandangkan mereka ditempatkan secara berkumpulan di pusat-pusat tahanan dan bukannya secara sendirian, maka amat mudah untuk individu-individu dipengaruhi ajaran radikal.

"Apa yang dilihat, program yang dilaksanakan ini membawa banyak kemajuan. Para tahanan bangga menunjukkan hasil karya seni mereka dan ada pula telah diambil bekerja di kem bagi membantu memulihkan tahanan yang lain," katanya.